


| | | | |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline | RM100j pasang lampu jalan kampung - PM | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 10 Feb 2018 | Language | Malay |
| Circulation | 171,663 | Readership | 563,000 |
| Section | Dlm Negeri | Page No | 3 |
| ArticleSize | 250 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 14,823 | | |



RM100j pasang lampu jalan kampung - PM



NAJIB TUN RAZAK menyampaikan sumbangan kepada wakil NGO setempat dalam program Pemimpin Bersama Rakyat dan Majlis Penyerahan Lampu Jalan Kampung di Muar, semalam. Turut hadir Mohamed Khaled Nordin dan Razali Ibrahim. - BERNAMA

MUAR 9 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sejumlah RM100 juta peruntukan tambahan daripada kerajaan dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) disalurkan untuk pemasangan lampu jalan kampung (LJK) di seluruh negara dalam tahun ini.

Perdana Menteri berkata, kerja-karya pemasangan tersebut melibatkan 50,000 batang LJK yang akan memberikan manfaat kepada kira-kira 2.5 juta penduduk.

"Daripada jumlah tersebut, RM50 juta adalah peruntukan kerajaan manakala RM50 juta lagi disumbangkan pihak TNB.

"Lampu-lampu itu akan siap dipasang dalam jangka masa 10 hingga 14 minggu," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan Penyerahan LJK Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, di sini hari ini.

Yang turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan Ahli Parlimen Muar, Datuk Seri Razali Ibrahim serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Balang, Zaiton Ismail.

Najib berkata, pemasangan LJK itu akan memberikan keceriaan dan suasana kampung juga akan berubah daripada keadaan biasa.

Terdahulu ketika berucap, beliau mengumumkan kerajaan meluluskan peruntukan RM1 juta untuk baik pulih 100 rumah dalam Parlimen Muar.

Beliau seterusnya berkata, Muar juga akan menjadi laluan armat penting apabila kereta api laju (HSR) Kuala Lumpur-Singapura beroperasi nanti kerana daerah ini menjadi antara tempat persinggahannya.